

Praktis 2

A. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Kesalahan Bahasa (Aros-E)

1 Siapa yang masih belum menghantar tugas, sila berbuat demikian esok.

2 Jalur Gemilang yang berkibar megah di halaman rumah itu digantung oleh saya tadi.

3 Shun Liang gembira kerana mendapat tempat dua dalam pertandingan pidato.

4 Mereka pernah melawat kanak-kanak yang menghidap kanser itu di hospital esok.

5 Wang tabungan dapat digunakan di saat-saat kecemasan atau kemalangan.

6 Mesin pemotong buah itu saya telah cipta dengan bantuan rakan saya.

7 Ranjit terjun di dalam sungai sebaik-baik sahaja tiba di kawasan rekreasi itu.

8 Puteri Ratna Sari hendak mandi di kamar mandi selepas seharian bermain di taman istana.

9 Kak Husna mengejar bas itu sebab dia sudah terlewat untuk ke pejabat.

10 Puan Dini berasa lega apabila suhu badan anaknya berubah daripada 38 darjah Celsius ke paras normal.
